

# PEMBANGUNAN PEMBELAJARAN BERBANTUKAN KOMPUTER (PBK) BERASASKAN WEB : PENGURUSAN JENAZAH

Ahmad Marzuki Bin Mohamed & Roslan Bin Tangah  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak:** Pembangunan laman web dalam bidang pendidikan telah menjadi kaedah pembelajaran pada masa kini. Ekoran daripada perkembangan yang pesat dalam multimedia, maka wujudlah konsep Pembelajaran Berbantuan Komputer (PBK) berasaskan laman web. Walaupun terdapat pelbagai sumber lain, laman web merupakan medan yang terkini namun untuk mendapatkan maklumat melalui internet mengenai pengurusan jenazah dalam perihal tindakan awal kematian, memandikan, mengkapankan, menyembahyangkan dan mengkebumikan jenazah adalah terhad. Sehubungan dengan itu, Pembangunan Pembelajaran Berbantuan Komputer (PBK) Berasaskan Web: Pengurusan Jenazah akan menambahkan lagi metod untuk mendapatkan maklumat dan menyalurkan maklumat. Laman web ini dibangunkan dengan menggabungkan beberapa perisian lain seperti *MS-Frontpage 2003*, *Adobe Dreamweaver CS3*, *Adobe Flash CS3*, *Adobe Photoshop CS3*, *Swisk Max* dan *Sony Sound Forge 8*. Laman web ini telah dimuat naik ke hosting yang disediakan oleh pembangun. Projek pembangunan laman web ini boleh diakses dari internet di mana jua terdapat talian internet. Justeru, pembangun telah menyediakan video di atas talian bagi memudahkan pengendali jenazah mengetahui cara yang betul dalam menguruskan jenazah. Semoga dengan laman web yang dibangunkan ini dapat memberikan sumbangan yang bermakna kepada bidang pendidikan di negara kita dan membantu umat Islam menunaikan tuntutan fardhu kifayah.

**Abstract:** Website development in the educational field has become the latest teaching and learning method. The quick development in multimedia has resulted the concept of web based computer assisted learning. Although there are other sources, websites are considered the latest tool to access information however information such as management of corpses using the internet, and also planning ahead before the demise, cleaning, “mengkapankan”, pray for and to bury the corpse is limited. With that, Web Based Computer Assisted Learning (PBK): Corpse Management will add more methods to access information and provide information. This website was developed with a combination of software’s such as *Frontpage 2003*, *Adobe Dreamweaver CS3*, *Adobe Flash CS3*, *Adobe Photoshop CS3*, *Swisk Max* dan *Sony Sound Forge 8*. This website was also uploaded onto the developer’s very own hosting. This project can be accessed from any place which has internet access. Therefore, the developer has provided an online video to ease the understanding of the corpse manager to be able to know the correct method in managing the corpse. I hope that the development of this website will be a meaningful contribution to the educational field in our country and will help our fellow Muslims to fulfil the fardhu kifayah.

**Katakunci:** Pengurusan Jenazah, Pembelajaran Berbantuan Komputer (PBK)

## Pengenalan

Perkembangan arus perdana yang pesat juga turut sama mengheret perkembangan kemajuan teknologi maklumat dan telekomunikasi maklumat di Malaysia khususnya dalam bidang pendidikan. Dengan adanya teknologi terkini kehidupan manusia juga turut berubah dari pelbagai sudut. Secara langsung umum mengetahui bahawa teknologi yang ada sebenarnya dicipta untuk memberikan kemakmuran kepada manusia dan memudahkan kehidupan harian manusia.

## **Pernyataan Masalah**

Berdasarkan latar belakang masalah yang dikaji. Kajian ini bertujuan untuk membangunkan sebuah laman web Pembelajaran Berbantuan Komputer (PBK) berasaskan laman web dalam bidang pengurusan jenazah.

Dengan adanya laman web ini akan memudahkan para pengendali jenazah Islam mempelajari dan memantapkan pemahaman mereka untuk menguruskan jenazah mengikut lunas-lunas syariat yang betul memandangkan masih ramai lagi yang tidak faham dan berani terlibat dalam pengurusan jenazah walaupun mereka tahu ia merupakan salah satu daripada tuntutan fardhu kifayah bagi setiap orang Islam.

## **Objektif Projek**

Objektif utama pembangunan projek berasaskan laman web ini adalah untuk menghasilkan satu PBK bagi mata pelajaran pendidikan Islam yang berasaskan web bagi membantu murid dan juga khalayak untuk mendapatkan sumber infomasi dari dalam talian (*online*).

1. Menghasilkan satu PBK yang interaktif bagi memudahkan murid, guru dan orang awam berinteraksi secara dalam talian.
2. Menghasilkan satu perisian PBK yang menarik supaya murid, guru dan orang awam berani untuk mendalami bidang pengurusan jenazah.
3. Membantu memberi penerangan yang jelas terhadap isi pelajaran yang hendak disampaikan melalui laman web.
4. Memberikan alternatif penyebaran bahan pembelajaran dan pengajaran kepada murid, guru dan orang awam selain ia disebarikan melalui CD-ROM dan buku rujukan.

## **Kepentingan Projek**

Adalah menjadi hasrat supaya projek PBK berasaskan web ini mempunyai kepentingan kepada kesemua pihak sama ada murid, guru dan orang awam untuk:

- 1 Mempelbagaikan serta memberikan pilihan kaedah penyampaian dalam proses pembelajaran.
2. Membantu murid, guru dan orang awam sebagai sumber inspirasi dan motivasi bagi menarik minat terhadap bidang pengurusan jenazah.
3. Memberi peluang kepada murid, guru dan orang awam belajar mengikut kehendak, keupayaan dan minat mereka sendiri.
- 4 Membantu kepada proses pengajaran supaya lebih berkesan.

## **Skop Projek**

Pembinaan perisian PBK berasaskan web ini dibangunkan untuk bahan bantu pembelajaran bidang pengurusan jenazah. Laman web ini boleh digunakan oleh murid yang mengambil matapelajaran pendidikan Islam di sekolah menengah untuk proses pembelajaran mereka secara dalam talian. Malahan, guru juga boleh menggunakan laman web ini untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran di

dalam kelas. Di samping itu, laman web ini juga turut terbuka kepada sesiapa sahaja yang berminat untuk mendalami bidang pengurusan jenazah khususnya khalayak orang awam memandangkan ianya boleh diakses melalui internet oleh sesiapa sahaja.

## **Metodologi**

### **Model Reka Bentuk Laman Web**

Dalam membangunkan laman web ini, pembina laman web menggunakan Model Reka Bentuk Instruksi Hanaffin & Peck sebagai rujukan. Model ini melibatkan tiga fasa utama iaitu Fasa Analisa Keperluan, Fasa Reka bentuk, Fasa Pembangunan Dan Perlaksanaan. Sementara Fasa Penilaian dan Pengulangan akan dibuat pada setiap fasa. Langkah-langkah yang akan dijalankan di dalam setiap fasa akan dijelaskan dengan lengkap seperti berikut:

#### **Fasa Analisa Keperluan**

Menurut Jamalluddin, Baharudin dan Zaidatun (2001), dalam fasa ini, pembina laman web perlu melakukan analisa terhadap ciri-ciri kumpulan sasaran. Ini termasuk menentukan siapa yang akan menggunakan laman web tersebut, apakah pengetahuan sedia ada pengguna, apakah perubahan tingkah laku yang diinginkan, apakah objektif yang hendak dicapai serta apakah perkakasan dan perisian yang diperlukan. Tujuannya untuk memastikan proses mereka bentuk seterusnya mempunyai satu panduan serta hala tuju yang boleh diikuti.

#### **Mengenalpasti kumpulan sasaran**

Sebelum membina laman web ini, pereka laman web telah mengenal pasti sasaran pengguna yang akan masuk menggunakan laman web ini. Pengguna utama adalah khalayak orang awam yang ingin dapatkan informasi berkenaan pengurusan jenazah dan juga pelajar-pelajar yang mengambil mata pelajaran pendidikan Islam di sekolah menengah. Oleh yang demikian, proses pembangunan laman web ini tidak hanya menjurus pada sukatan yang terdapat dalam sukatan mata pelajaran pendidikan Islam di sekolah menengah mana yang berkaitan dengan pengurusan jenazah tetapi meliputi topik-topik lain yang bersangkutan dengan bidang pengurusan jenazah itu sendiri.

#### **Fasa Reka Bentuk**

Menurut Jamalludin, Baharudin dan Zaidatun (2001), dalam fasa ini, proses mereka bentuk laman web PBK bermula dengan menentukan objektif pembelajaran yang akan dicapai oleh pengguna. Selepas itu proses menentukan aktiviti, latihan dan juga ujian ke atas pengguna semasa menggunakan laman web PBK. Kaedah penyampaian sesuatu maklumat perlulah mudah difahami dan bersesuaian dengan pengguna. Dalam fasa ini juga, pelbagai elemen-elemen seperti isi kandungan, reka bentuk skrin, sistem penerokaan akan turut ditentukan.

#### **Fasa Pembangunan Dan Perlaksanaan**

Dalam fasa pembangunan, beberapa perkara perlu diambil kira selain daripada kaedah pengajaran yang harus digunakan dalam laman web yang akan dibangunkan. Ini kerana semua elemen-elemen utama yang telah direka bentuk dalam fasa sebelumnya akan diterjemahkan ke dalam bentuk yang lebih praktikal dengan bantuan sistem bahasa pengaturcaraan.

## **Fasa Penilaian dan Pengulangan**

Pada peringkat fasa ini, laman web yang telah siap dibangunkan akan melalui proses penilaian iaitu penilaian sumatif. Tujuannya untuk memastikan bahawa penggunaan perisian tersebut berkesan dan menepati objektif penghasilannya. Bagi melaksanakan penilaian sumatif ini, pembangun bercadang untuk melaksanakan satu kategori ujian penilaian iaitu ujian penilaian pengguna.

Instrumen ujian yang akan digunakan ialah menggunakan kaedah soal selidik. Menurut Mohd Najib (2003), kaedah soal selidik merupakan kaedah yang berkesan bagi mendapatkan maklumat daripada responden. Ia juga memudahkan proses penganalisan data yang diperolehi. Sementara menurut Mohd Majid (1994), soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan dalam penyelidikan pendidikan. Ia memberi maklumat yang tepat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan dan perasaan. Soal selidik amat praktikal dan berkesan serta dapat mencapai tujuan kajian dengan kos yang sederhana.

Selain penilaian sumatif di atas, pembangun juga akan melaksanakan penilaian formatif. Menurut Jamalluddin, Baharudin dan Zaidatun (2001), penilaian formatif merupakan penilaian yang dilakukan sepanjang proses pembangunan perisian PBK. Tujuannya ialah untuk memperbaiki kualiti laman web dan memenuhi citarasa pengguna serta memenuhi objektif pembelajaran yang diinginkan. Penilaian formatif dapat mengenalpasti kekuatan dan kelemahan sesuatu laman web pada peringkat awal pembangunan lagi.

## **Perbincangan**

Sepertimana yang diketahui umum, aplikasi multimedia serta proses untuk membangunkan sesebuah laman web bukanlah merupakan sesuatu proses yang mudah dan boleh dihasilkan dalam satu tempoh jangka masa yang singkat. Perancangan yang teliti dan sistematik amat diperlukan agar laman web yang dibangunkan atau dihasilkan berkualiti serta bermutu tinggi seperti mana yang diharapkan. Terdapat pelbagai masalah dan kekangan yang timbul di sepanjang proses pembangunan laman web ini. Tidak dapat dinafikan oleh pembangun bahawa masalah ini timbul disebabkan oleh beberapa faktor utama yang telah dihadapi dalam usaha membangunkan laman web ini.

## **Faktor Kekurangan Kepakaran**

Sesebuah laman web yang mempunyai nilai interaktiviti yang tinggi dan memiliki ciri-ciri multimedia yang baik serta berkualiti memerlukan gabungan kepakaran-kepakaran iaitu kepakaran isi kandungan, kepakaran teori pembelajaran dan kepakaran dalam mengaplikasi bahasa pengarang yang berkaitan.

Bagi membangunkan laman web ini, biasanya penghasilan sesuatu perisian PBK memerlukan satu pasukan kerja yang akan merancang dan melakukan pembahagian kerja sedangkan untuk tujuan projek ini, pembangun laman web hanya berusaha dan bergerak sendiri sahaja. Pun begitu, pembangun mempunyai kemahiran dalam membangunkan laman web menggunakan Adobe Dreamweaver akan tetapi asas untuk menghasilkan interaktiviti dalam laman web yang dihasilkan menggunakan Adobe Flash amatlah kurang demi menampakkan laman web ini kelihatan lebih dinamik. Oleh kerana kemahiran dalam menggunakan Adobe Flash adalah terhad, maka untuk menghasilkan sebuah laman web yang interaktif dan dinamik adalah bayangan semata-mata dan terhad pada satu laman yang seakan statik.

## **Faktor Masa**

Pembangunan sesebuah laman web bukanlah satu proses yang mudah dan boleh dihasilkan dalam tempoh masa yang pendek. Bagi menghasilkan laman web yang bermutu, proses pembangunan perlu melalui proses yang terdiri daripada empat fasa utama iaitu fasa analisis, fasa rekabentuk, fasa pembangunan perisian dan akhirnya fasa penilaian. Semuanya memerlukan masa yang agak panjang.

Kesemua fasa tersebut diharungi oleh pembangun perisian dalam tempoh lebih kurang dua bulan sahaja. Dalam masa yang sama penyelidik juga terpaksa belajar perisian bahasa pengarang, perisian grafik, animasi serta video. Perancangan masa yang betul dan tepat dapat menghasilkan laman yang berkualiti dan menepati matlamat pembangunan sesebuah laman web.

## **Rumusan**

Dalam projek membangunkan laman web ini telah memberi satu ruang kepada pembangun untuk menguji kebolehan serta ketabahan dalam membangunkan laman web ini dengan kebolehan yang ada dalam mencapai objektif projek ini.

Membangunkan laman web ini memerlukan kemahiran, pengetahuan dalam bidang aturcara di samping kreativiti, semangat, motivasi, kerajinan serta imiginasi yang tinggi untuk menghasilkan suatu perisian yang boleh dijadikan bahan pengajaran dan pembelajaran. Seseorang yang ingin membangunkan laman web harus bersedia untuk menumpukan sepenuh perhatian dan tenaga untuk menghasilkan perisian yang bermutu.

Membangunkan laman web haruslah berpandukan kepada teori-teori pembelajaran agar ia dapat menyumbangkan ke arah yang positif serta berkesan. Perisian Adobe Dreamweaver berupaya memberi satu kaedah dalam membangunkan laman web yang lebih selesa untuk menghasilkan laman web dalam pembelajaran dan pengajaran. Ini kerana, ia boleh mempelbagaikan kaedah pengajaran. Untuk menghasilkan sebuah laman web yang bermutu dan berkesan dalam pengajaran ia perlu kerja berpasukan.

Justeru, laman web ini telah diuji oleh beberapa pelawat yang dipilih secara rawak dan hasil dapatan soal selidik mengenai projek pembangunan laman web bagi tajuk pengurusan jenazah menunjukkan responden bersetuju dengan elemen-elemen multimedia serta isi kandungan yang terdapat di dalam perisian tersebut.

Dengan terbangunnya laman web bagi tajuk Pengurusan Jenazah ini, diharapkan ia dapat dijadikan sebagai bahan pembelajaran. Diharapkan laman web ini boleh dijadikan sumber panduan kepada pelawat khususnya mereka yang ingin mengendali jenazah.

## **Rujukan**

Abdullah (2006). "Panduan Mengurus Jenazah", Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa

Abdullah Nor (1997). "Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Kecenderungan Pelajar-Pelajar Tingkatan Empat Terhadap Fizik" Universiti Kebangsaan Malaysia. Tesis Sarjana.

Abd. Ghafar Md Din. (2003). "Prinsip Dan Amalan Pengajaran", Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Abd Rahman Ahmad (1995). "Pembinaan Pakej Pengajaran Dan Pembelajaran Berbantu Komputer", Kuantan: Kertas Kerja BPG.

Ab. Rahim Selamat (2000). "Pengurusan Sekolah Bestari (Satu Pengenal)", Kuala Lumpur: Badan Cemerlang Sdn. Bhd.

Ahmad Muhaimin Bin Mohamad (2003) "Perisian Pembelajaran Berbantuan Komputer (PBK) Bagi Penilaian Perkara Asas Fardhu Ain Bab Bersuci (Wudhu) dan Solat" Tesis Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia : Skudai, Johor

- Ainul Mardhiah (2001), "Persoalan Kematian Dan Pengurusan Jenazah", Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa
- Alessi, S.M & Trollip, S.R (1991). "Computer Based Instruction: Method and Development", Second Edition, New Jersey: Prentice Hall.
- Alessi, S.M & Trollip, S.R (1985). "Computer Based Instruction: Method and Development", New Jersey: Prentice Hall.
- Atan Long (1978). "Psikologi pendidikan ".Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.13 – 20
- Azean Atan, *et.al* (2007), "Pembangunan Web Interaktif – Satu Pendekatan Sistematis", Selangor : Venton Publishing
- Azmi bin Nor @ Muhamad Nor (2006). " Perisian Pembelajaran Berbantuan Komputer (PBK) Pendidikan Islam Tingkatan Tiga, Di Bawah Tajuk Solat Ketika Sakit, Berdasarkan Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) Tesis Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia : Skudai, Johor
- Baharuddin Aris, Manimegalai Subramaniam, Rio Sumarni Sharifuddin (2001). "Rekabentuk Perisian Multimedia", Kuala Lumpur: Venton Publishing
- Chew Choon Kian (1998). " Pembinaan Perisian Multimedia Bagi Pengajaran Pembelajaran Topik Pengubah." Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Dwyer, A. Thomas (1978). "Basic And The Personal Computer", New York: Addison Wesley Publication.
- Esah Sulaiman (2003) "Modul Pengajaran : Asas Pedagogi" Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia : Skudai, Johor.
- Faiola, T and Debloos (1988). "Designing A Visual Factors Based Screen Display Interface: The New Role of The Graphic Technologist." Educational Technology 28(8). 12-21.
- Gagne (1985). "The Conditions Of Learning (Forth Edition)". New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Gagne & Wager (1988). "Designing Computer Aided Instruction: In Instructional Designs For Microcomputer Courseware" Sunting D.H Jonassen. LEA